

TEKAD KEUSAHAWANAN TANI DALAM KALANGAN BELIA PELAJAR PERTANIAN SEKOLAH MENENGAH

MOHD ZAILANI IBRAHIM, RAMLAH HAMZAH
& MOHD IBRAHIM NAZRI

ABSTRAK

Kajian lepas menunjukkan belia pelajar pertanian di sekolah berminat untuk menceburkan diri dalam bidang usahawan tani, namun realitinya bilangan mereka yang betul-betul menceburi bidang usahawan tani adalah sangat sedikit tidak seperti yang diharapkan. Literatur menunjukkan tekad keusahawanan mempunyai impak yang penting dalam mempengaruhi keputusan seseorang itu untuk menjadi usahawan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap tekad keusahawanan tani dalam kalangan belia pelajar pertanian. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Responden terdiri daripada 589 orang responden, iaitu pelajar tingkatan 4 tahun 2012 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dalam zon tengah Semenanjung Malaysia yang mengambil mata pelajaran Sains Pertanian dan pelajar-pelajar yang mengambil aliran vokasional pertanian di Sekolah Menengah Vokasional Pertanian di Semenanjung Malaysia. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada kajian lepas. Data dianalisis menggunakan SPSS. Statistik yang digunakan ialah korelasi dan t-test. Dapatan kajian menunjukkan tekad keusahawanan tani belia pelajar pertanian adalah pada tahap sederhana tinggi. Terdapat hubungan yang signifikan antara tekad keusahawanan tani dengan efikasi keusahawanan, ciri-ciri keusahawanan dan nilai sosial usahawan tani. Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan tekad keusahawanan tani antara pelajar lelaki dan perempuan. Kajian mencadangkan supaya diperbanyakkan aktiviti keusahawanan tani di kalangan belia untuk meningkatkan tekad keusahawanan tani.

Kata Kunci: *Tekad Keusahawanan Tani, Efikasi Keusahawanan, Ciri-Ciri Keusahawanan, Sains Pertanian, Belia Sekolah Menengah*

ABSTRACT

Last research show agriculture youth students in school keen to plunge self in field agro-entrepreneur, however the reality their number that really engage in field agro entrepreneur is very little unlike that hoped. Literature show entrepreneurial intentions have impact that is important in influencing someone's decision to become entrepreneur. This study aim to identify agro-entrepreneurial intentions among agriculture youth students. The method used in this study was descriptive-surveying which involved 589 form 4 students of agriculture study in secondary schools in middle zone of Peninsular Malaysia and Vocational schools (agriculture) in Peninsular Malaysia. Questionnaire used in this study adapted from past research.

Data analysed use SPSS. Statistics used is correlation and t-test. The results show that the level of agro-entrepreneurial intentions among agriculture youth students are on high moderate level which display a positive relationship and have a significant correlation between entrepreneurship self-efficacy , agro-entrepreneur social value and entrepreneurial characteristics with entrepreneurial intentions. As a conclusion, the independents variable showed a significant and positive relationship with agro-entrepreneurial intentions and average of agro-entrepreneurial intentions among agriculture students is on high moderate level. The results also showed there is a difference agro- entrepreneurial intention between male and female students. Study proposes to be increased agro-entrepreneurial activity among youths to increase agro- entrepreneurial intentions.

Keywords: *Agro-entrepreneurial Intentions, Entrepreneurship Self-Efficacy, Entrepreneurial Characteristics, Agriculture Science, Secondary School Youth*

PENGENALAN

Tekad keusahawanan mempunyai impak yang penting dalam mempengaruhi keputusan seseorang itu untuk menjadi usahawan dan ia adalah penting dalam memahami proses keusahawanan secara keseluruhan kerana ia merupakan pencetus kepada tingkah laku seterusnya dalam aktiviti berkaitan perniagaan (Zaidatol Akmaliah dan Hishamuddin, 2010). Tekad keusahawanan menggambarkan kontinum tertinggi di mana menjadi seorang usahawan bukan sekadar angan-angan tetapi melibatkan perancangan, pengorbanan masa , tenaga, keupayaan ilmu, kemahiran dan kemampuan diri untuk sanggup menanggung risiko dan kegagalan (Zaidatol Akmaliah dan Hisyamuddin, 2010).

Tekad keusahawanan digambarkan sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi individu untuk meneruskan sesuatu usaha keusahawanan. Seandainya seseorang itu telah mempunyai keinginan untuk menjadi usahawan, mereka pastinya mempunyai niat atau rancangan tentang jenis perniagaan yang bakal diusahakan, bagaimana cara untuk mendapatkan modal dan lain-lain yang berkaitan dengan perniagaan yang ingin dijalankan. Walaupun ia masih hanya dianggap sebagai niat, tetapi ia berlaku disebabkan oleh tekad keusahawanan yang sedia ada dalam diri seseorang itu (Hisrich et al., 2008). Manakala Neematoolah dan rakan-rakan (2012), menegaskan tekad keusahawanan dalam bidang pertanian sepatutnya dipertimbangkan sebagai tekad seseorang untuk melaksanakan tingkah laku yang berisiko.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan telah menguar-uarkan tentang aspek memperkasakan pertanian baru. Ia bukan sahaja merangkumi aspek pertanian komersial dan bioteknologi, malah turut menekankan aspek pertanian sebagai satu perniagaan. Transformasi ini memerlukan pembudayaan keusahawanan dalam pertanian supaya dapat melahirkan satu generasi usahawan

bagi menerajui usaha merevolusikan bidang pengeluaran makanan dalam sektor pertanian (Malaysia, Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006). Kesenambungan ini diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) di mana kerajaan akan menambah peruntukan bagi pelaksanaan Program Inkubator Usahawan Belia Tani dalam RMK-10 bagi menarik lebih ramai penyertaan golongan muda dalam bidang pertanian (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2012).

Fatimah Mohamed Arshad melalui rencananya di dalam Utusan Malaysia online bertarikh 18 November 2005 menerangkan bahawa Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerajaan menetapkan untuk mencapai imbalan positif dalam imbalan pembayaran makanan. Salah satu strategi adalah dengan mewujudkan persekitaran perniagaan pertanian yang dinamik yang dipandu oleh usahawan tani. Perkembangan semasa yang berlaku ini, hasil daripada kesedaran kerajaan bahawa sektor pertanian merupakan tulang belakang ekonomi negara sejak sekian lama. Oleh itu proses melahirkan usahawan tani seharusnya melibatkan golongan belia terutamanya yang berpendidikan bagi mengubah persepsi dan mentaliti belia terhadap bidang pertanian (Fatimah, 2005).

Hasrat kerajaan pada masa kini ialah melahirkan ramai golongan belia yang menceburi pelbagai bidang keusahawanan dan salah satunya ialah bidang keusahawanan pertanian. Menjadi hasrat kerajaan untuk menarik minat usahawan belia tani daripada golongan muda kerana dalam masa yang sama mereka boleh membantu kerajaan mengurangkan import bahan makanan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2012). Justeru itu, melalui Kementerian Pelajaran Malaysia, kerajaan telah menyemarakkan lagi usaha membudayakan keusahawanan dalam kalangan rakyat Malaysia dengan menyemai budaya keusahawanan ini di peringkat sekolah rendah lagi dengan memperkenalkan unsur-unsur keusahawanan dalam mata pelajaran matematik. Kesenambungannya diteruskan di peringkat menengah rendah melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang diperkenalkan bermula tahun 1991 serta di peringkat menengah atas melalui mata pelajaran elektif vokasional dan teknologi (PPK, 2004).

Di bidang pertanian pula, pendidikan pertanian itu sendiri telah diperkenalkan seawal tahun 1926 lagi. Mata pelajaran pertanian ini masih ditawarkan sehingga kini di sekolah-sekolah. Pada peringkat sekolah rendah, pendedahan kepada bidang pertanian ini dilaksanakan dengan menyerapkan tajuk-tajuk pertanian yang terdiri daripada komponen menjaga tumbuhan hiasan, memelihara ikan hiasan dan menanam sayuran dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Rendah (KHBSR) yang dipelajari oleh pelajar-pelajar tahun 4,5 dan 6. Di peringkat menengah rendah pula (tingkatan 1 hingga 3), komponen pertanian diajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah (KHBSM). Kesenambungan ini diteruskan di peringkat menengah atas (tingkatan 4 dan 5) di mana bidang pertanian ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif teknologi (Sains Pertanian dan Agroteknologi) yang mana ia ditawarkan di SMK (Sains Pertanian sahaja) dan SMT

(Sains Pertanian dan Agroteknologi). Satu lagi ialah elektif vokasional yang terbahagi kepada dua jenis iaitu Mata Pelajaran Vokasional (MPV) teknotani (di SMK) dan Kursus Vokasional Pertanian (KVP) ditawarkan di SMT (PPK, 2004).

Lanjutan selepas daripada persekolahan menengah atas, para belia ini juga berpeluang untuk meneruskan pendidikan yang khusus dalam bidang-bidang keusahawanan pertanian seperti di Institut Pertanian, Kolej Komuniti, Kolej Swasta serta Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di seluruh negara. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui langkah yang proaktif telah melancarkan Skim Usahawan Belia Tani. Golongan belia yang terlibat dalam skim ini dihantar berkursus di Jepun untuk mempelajari selok-belok pertanian moden, yang mana projek ini mendapat kerjasama kerajaan-kerajaan Negeri yang mengkhusus kepada pengeluaran makanan dengan matlamat mewujudkan usahawan tani berjaya iaitu: (1) menghasilkan produk pertanian dalam skala besar; dan (2) memperoleh pendapatan bersih tidak kurang daripada RM3000 sebulan (Kementerian Asas Tani, 2006).

Terdapat kajian-kajian yang membuktikan bahawa terdapat ramai belia yang masih belajar, mempunyai tekad yang tinggi untuk menjadikan bidang keusahawanan tani sebagai bidang kerjaya mereka bila mereka menamatkan pembelajarannya nanti. Rohana (2010), dalam kajiannya terhadap minat kerjaya pelajar yang mengambil elektif Mata Pelajaran Vokasional (MPV) teknotani mendapati daripada 182 orang pelajar yang memilih kerjaya di bidang pertanian, 107 orang atau (58.8%) daripadanya mempunyai minat kerjaya sebagai usahawan tani. Zakaria (1998) melaporkan melalui soalan kajian adakah anda bercita-cita untuk menjadi usahawan pertanian terhadap pelajar-pelajar Tingkatan 5 Sekolah Menengah Vokasional Pertanian, 38/70 (54.3%) pelajar menyatakan mereka bercita-cita untuk menjadi usahawan pertanian.

Mohd. Salleh (1992) melaporkan kesan potensi keusahawanan semasa dalam proses pendidikan akan mempengaruhi aspirasi keusahawanan dan pemilihan untuk bekerja sendiri. Melalui dapatan kajiannya, beliau menegaskan bahawa pelajar sekolah menengah yang mempunyai potensi dan ciri-ciri serta sikap yang tinggi perlu dipupuk untuk mewujudkan kesedaran dan persediaan untuk memilih keusahawanan sebagai satu alternatif kepada kerjaya.

MASALAH KAJIAN

Di sebalik kajian yang menunjukkan betapa para belia di negara kita sebenarnya berminat untuk menceburi bidang keusahawanan, namun realitinya bilangan mereka yang betul-betul menceburi bidang keusahawanan ini adalah sangat sedikit tidak seperti yang diharapkan atau pun seperti yang digambarkan oleh minat pelajar semasa di bangku sekolah. Menurut Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2009), peratusan usahawan di Malaysia agak kecil iaitu tidak melebihi 26 peratus daripada keseluruhan

penduduk bekerja dalam tempoh 25 tahun. Peratusan itu juga menunjukkan trend yang menurun daripada 25.1 peratus pada 1982 kepada 20.9 peratus pada 2008. Pada masa yang sama laporan perangkaan juga menunjukkan ramai daripada mereka yang menceburi bidang keusahawanan ini terdiri daripada mereka yang agak berumur, di mana 59.5 peratus usahawan pada tahun 2008 terdiri daripada mereka yang berumur 45-64 tahun. Zainalabidin et al. (2011) juga mendapati 55.7 peratus peladang di Semenanjung Malaysia terdiri daripada mereka yang berumur 46 tahun ke atas.

Sehubungan dengan itu, dalam kes kajian ini persoalannya mengapakah pelajar atau belia yang bertekad atau mempunyai niat untuk menjadi usahawan tani setelah menamatkan pengajian, akhirnya tidak memilih kerjaya sebagai usahawan tani sebagai kerjaya sebenar mereka. Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tekad keusahawanan tani pelajar di samping hubungannya dengan ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial keusahawanan tani serta perbezaan tekad keusahawanan tani berdasarkan demografi pelajar.

Salah satu pendekatan yang sering digunakan untuk mengkaji keusahawanan ialah meneliti ciri-ciri individu yang dianggap sebagai usahawan. Penyelidikan berkaitan keusahawanan seharusnya dijalankan berdasarkan dua cabang utama: ciri-ciri atau sifat keusahawanan seseorang; dan pengaruh faktor kontekstual dalam keusahawanan (Linan et al., 2011). Zaidatol dan Hisyamuddin (2010), dalam rumusannya berkaitan faktor yang mempengaruhi tekad keusahawanan, telah menjelaskan bahawa efikasi keusahawanan merupakan faktor yang penting dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tekad keusahawanan. Thomas dan Muller (2000), menjelaskan bahawa nilai sosial membentuk asas kepada sistem nilai kepada sesuatu kumpulan atau masyarakat. Ia juga menjadi asas kepada pembangunan personaliti serta persepsi terhadap kemampuan individu ke arah aktiviti keusahawanan. Siti Hawa (2009) mendapati terdapat perbezaan tekad keusahawanan dengan beberapa faktor demografi pelajar iaitu hubungan berdasarkan jantina dan berdasarkan pengalaman keusahawanan pelajar. Faktor demografi yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah jantina, jenis pekerjaan keluarga serta pengalaman berniaga dan keusahawanan pelajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial keusahawanan tani dengan tekad keusahawanan tani pelajar serta untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tekad keusahawanan tani berdasarkan beberapa faktor demografi pelajar.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Maklumat yang diperoleh meliputi profil responden seperti jantina, jenis pekerjaan ibu dan bapa serta pengalaman berniaga dan keusahawanan pelajar. Selain itu pelajar diminta memberi maklumat berkaitan tekad keusahawanan tani, ciri-ciri keusahawanan dan efikasi keusahawanan mereka dan nilai sosial keusahawanan tani. Soal selidik dibahagikan kepada lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian A mengandungi 10 soalan berkaitan tekad keusahawanan tani yang diadaptasi dan diubahsuai daripada alat ukur yang digunakan oleh Hisyamuddin (2007) dan Hisyamuddin dan Zaidatol Akmaliah (2010). Bahagian B mengandungi 35 soalan yang berkaitan dengan ciri-ciri keusahawanan yang diadaptasi dan diubahsuai alat ukur yang digunakan oleh Chek Pit Chow (2002) yang disesuaikan daripada kajian oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (1997). Bahagian C mengandungi 10 soalan berkaitan kemahiran efikasi keusahawanan yang telah diadaptasi dan diubahsuai daripada alat ukur yang digunakan oleh Hisyamuddin (2007). Bahagian D mengandungi 14 item soalan berkaitan nilai sosial di mana 8 item diadaptasi, diterjemahkan dan diubahsuai daripada alat ukur Linan et.al (2011), sementara 6 item lagi dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan rujukan literatur. Bahagian E mengumpul maklumat latar belakang responden yang mana itemnya digubal sendiri oleh pengkaji.

Item-item soal selidik menggunakan skala likert 5 skala dengan skor (1) Sangat tidak setuju, (2) Tidak setuju, (3) Kurang setuju, (4) Setuju, (5) Sangat setuju. Manakala bagi ciri-ciri keusahawanan, skor (1) Sangat tidak berkaitan dengan saya, (2) Tidak berkaitan dengan saya, (3) Tidak pasti, (4) Berkaitan dengan saya, (5) Sangat berkaitan dengan saya. Bagi pengiraan maklumat profil responden, statistik deskriptif (peratus dan frekuensi) digunakan. Bagi menentukan tahap tekad keusahawanan tani responden, min setiap item tekad keusahawanan tani dikategorikan kepada empat tahap iaitu rendah (1.00 hingga 2.00), sederhana (2.01 hingga 3.00), sederhana tinggi (3.01 hingga 4.00) dan tinggi (4.01 hingga 5.00) berpandukan jadual ukuran skor min berdasarkan formula Nunnally (1978). Analisis korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah kajian, manakala ujian-t dan analisis ANOVA Satu Hala digunakan untuk analisis perbezaan antara pemboleh ubah kajian.

Seramai 589 belia yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4 tahun 2012 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dalam zon tengah Semenanjung Malaysia (Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) yang mengambil mata pelajaran Sains Pertanian dan pelajar-pelajar yang mengambil aliran vokasional pertanian di Sekolah Menengah Vokasional Pertanian di Semenanjung Malaysia (Perak dan Pahang), dipilih sebagai sampel kajian ini. Jadual 1 menunjukkan profil responden.

Jadual 1: Taburan Profil Demografi Responden Kajian

Item	Frekuensi	%
Jantina		
Lelaki	303	51.4
Perempuan	286	48.6
Pekerjaan Bapa		
Kerja Mekan Gaji	320	54.3
Kerja Sendiri	269	45.7
Pekerjaan Ibu		
Kerja Mekan gaji	167	28.3
Kerja Sendiri	140	23.8
Suri Rumah	282	47.9
Pengalaman Perniagaan dan Keusahawanan		
Ada Pengalaman	340	57.7
Tiada Pengalaman	249	42.3

(n=589)

DAPATAN KAJIAN

Tahap Tekad Keusahawanan Tani Dalam Kalangan Belia Pelajar Pertanian

Pengukuran tekad keusahawanan tani belia pelajar pertanian adalah merujuk kepada min secara keseluruhan. Dapatan kajian seperti dalam Jadual 2, menunjukkan min bagi tekad keusahawanan tani bagi belia pelajar pertanian pada tahap sederhana tinggi (Min=3.79). Skor min yang paling rendah adalah 1.50 manakala skor min yang paling tinggi adalah 5.00.

Jadual 2: Min, Sisihan Piawai, Nilai Minimum dan Nilai Maksimum untuk Tekad Keusahawanan Tani

Tekad Keusahawanan Tani Belia Pelajar Pertanian Secara Keseluruhan	
Min	3.79
Sisihan Piawai	0.65
Minimum	1.50
Maksimum	5.00

Hubungan Antara Tekad Keusahawanan Tani Dengan Ciri-Ciri Keusahawanan, Efikasi Keusahawanan dan Nilai Sosial Keusahawanan Tani.

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson untuk menentukan hubungan tekad keusahawanan tani dengan ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial keusahawanan tani. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara tekad keusahawanan tani dengan ciri keusahawanan ($r = .275, p < .05$) dan efikasi keusahawanan ($r = .638, p < .05$). Manakala terdapat hubungan positif yang tidak signifikan antara tekad keusahawanan tani dengan nilai sosial keusahawanan tani ($r = .426, p > .05$).

Jadual 3: Ujian Korelasi Pearson Antara Tekad Keusahawanan Tani Dengan Ciri-Ciri Keusahawanan, Efikasi Keusahawanan dan Nilai Sosial Keusahawanan Tani

	Tekad Keusahawanan Tani	Ciri-Ciri Keusahawanan	Efikasi Keusahawanan	Nilai Sosial Keusahawanan Tani
Tekad Keusahawanan Tani	1	.275*	.638*	.426*

*Signifikan pada nilai $p < 0.05$

Analisis Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Antara Belia Pelajar Pertanian Berlainan Jantina, Mempunyai Pengalaman Perniagaan dan Keusahawanan Serta Jenis Pekerjaan Ibu dan Bapa

Jadual 4 menunjukkan hasil dapatan ujian-t dan ujian ANOVA Satu Hala untuk menentukan perbezaan antara tekad keusahawanan tani di antara belia pelajar berlainan jantina, mempunyai atau tidak mempunyai pengalaman perniagaan dan keusahawanan serta jenis pekerjaan ibu bapa. Hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tekad keusahawanan tani dengan jantina pelajar ($t = 2.58, p < .05$) dan pengalaman perniagaan pelajar ($t = 2.61, p < .05$). Tekad keusahawanan tani pelajar lelaki ($\text{min}=3.86$) adalah lebih tinggi berbanding pelajar perempuan ($\text{min}=3.72$). Pelajar yang mempunyai pengalaman perniagaan juga mempunyai tekad keusahawanan tani ($\text{min}=3.85$) yang lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak mempunyai pengalaman perniagaan ($\text{min}=3.71$). Secara umumnya, dapatan ini menunjukkan bahawa tekad keusahawanan tani dipengaruhi oleh jantina dan pengalaman perniagaan pelajar. Manakala didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tekad keusahawanan tani dengan jenis pekerjaan bapa.

Hasil analisis ANOVA Satu Hala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tekad keusahawanan tani dengan pekerjaan ibu pelajar ($F = 3.06, p < .05$). Tekad

keusahawanan tani pelajar yang ibu bekerja sendiri (min=3.87) adalah paling tinggi berbanding pelajar yang mempunyai ibu sebagai suri rumah (min=3.81) dan pelajar yang ibu mereka bekerja makan gaji (min=3.69). Secara umumnya dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor pekerjaan ibu pelajar memainkan peranan penting dalam pembentukan tekad keusahawanan tani pelajar. Seterusnya ujian perbandingan Post-Hoc dilakukan untuk mengenal pasti pasangan min yang menunjukkan perbezaan yang signifikan. Hasil dapatan kajian berdasarkan jadual 5, menunjukkan perbezaan min tekad keusahawanan tani mengikut pekerjaan ibu pelajar yang paling signifikan sebanyak .17910 antara makan gaji dengan bekerja sendiri. Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan min sebanyak .11335 antara makan gaji dengan suri rumah dan perbezaan min sebanyak .06575 antara bekerja sendiri dengan suri rumah.

Jadual 4: Analisis Perbezaan Antara Tekad Keusahawanan Tani Antara Belia Pelajar Pertanian Berlainan Jantina, Pengalaman Perniagaan Dan Pekerjaan Ibu Bapa

Ujian-t	%	n	Min	s.p	df	t	Sig
Jantina							
Lelaki	51.4	303	3.86	0.64	587	2.58	.01*
Perempuan	48.6	286	3.72	0.65			
Pengalaman Perniagaan							
Ada Pengalaman	57.7	340	3.85	0.67	587	2.61	.01*
Tiada Pengalaman	42.3	249	3.71	0.63			
Pekerjaan Bapa							
Makan Gaji	54.3	320	3.77	0.66	587	-8.24	.41
Kerja Sendiri	45.7	269	3.81	0.64			
Ujian ANOVA Pekerjaan Ibu							
	%	n	Min	s.p	df	F	Sig
Makan Gaji	28.3	167	3.69	0.68	2	3.06	.048*
Kerja Sendiri	23.8	140	3.87	0.50			
Suri rumah	47.9	282	3.81	0.66			

*p<0.05

Jadual 5: Ujian Perbandingan Post-Hoc bagi Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Pekerjaan Ibu

(I) Pekerjaan Ibu	(J) Pekerjaan Ibu	Perbezaan Min (I-J)	Tahap Signifikan
Makan Gaji	Bekerja Sendiri	-.17910*	.044
	Suri Rumah	-.11335	.175
Bekerja Sendiri	Makan Gaji	-.17910	.044
	Suri Rumah	.06575	.591
Suri Rumah	Makan Gaji	-.11335	.175
	Bekerja Sendiri	-.06575	.591

*Tahap signifikan .05 bagi menunjukkan perbezaan min

Profil Responden Yang Mempunyai Pengalaman Perniagaan dan Keusahawanan Dalam Tiga Bidang Yang Telah dikenal pasti Mengikut Jantina.

Jadual 6 menunjukkan profil responden yang mempunyai pengalaman perniagaan dan keusahawanan dalam tiga bentuk sumber yang telah dikenal pasti mengikut jantina. Didapati daripada 340 atau 57.7 peratus belia pelajar pertanian yang mempunyai pengalaman perniagaan dan keusahawanan, 58.0 peratus daripadanya merupakan pelajar lelaki dan 42.0 peratus pelajar perempuan. Daripada 212 orang responden yang mempunyai pengalaman menolong ibu bapa menjalankan perniagaan mereka, 56.1 peratus responden terdiri daripada lelaki dan 43.9 peratus perempuan. Manakala daripada 151 orang responden yang mempunyai pengalaman terlibat dalam program keusahawanan semasa di sekolah, 55.0 peratus responden adalah lelaki dan 45.0 peratus adalah perempuan. Responden yang mempunyai pengalaman berniaga secara sambilan ialah seramai 150 responden dan ia terdiri daripada 64.7 peratus lelaki dan 35.3 peratus perempuan.

Jadual 6: Profil Responden Yang Mempunyai Pengalaman Perniagaan dan Keusahawanan dalam Tiga Sumber yang telah dikenal pasti Mengikut Jantina

Item	Frekuensi	%
Ada Pengalaman Perniagaan dan Keusahawanan		
Lelaki	197	58.0
Perempuan	143	42.0
Jumlah	340	100.0
<u>Sumber Pengalaman*</u>		
Ada Pengalaman Menolong Ibu bapa Berniaga		
Lelaki	119	56.1
Perempuan	93	43.9
Jumlah	212	100.0
Ada Pengalaman Terlibat Dalam Program Keusahawanan		
Lelaki	83	55.0
Perempuan	68	45.0
Jumlah	151	100.0
Ada Pengalaman Berniaga Secara Sambilan		
Lelaki	97	64.7
Perempuan	53	35.3
Jumlah	150	100.0

*Responden boleh memilih lebih daripada satu sumber pengalaman

KESIMPULAN

Kajian ini cuba mengenal pasti tahap tekad keusahawanan tani dalam kalangan belia pelajar pertanian di Sekolah Menengah. Di dapati tekad keusahawanan tani belia pelajar pertanian adalah pada tahap sederhana tinggi. Di samping itu, wujud juga hubungan yang positif dan signifikan antara tekad keusahawanan tani dengan ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial usahawan tani. Terdapat perbezaan yang signifikan antara tekad keusahawanan tani dalam kalangan belia pelajar pertanian yang berlainan jantina, belia pelajar pertanian yang mempunyai pengalaman berniaga atau pengalaman keusahawanan serta terdapat perbezaan yang signifikan antara tekad keusahawanan tani belia pelajar pertanian berdasarkan jenis pekerjaan ibu pelajar. Daripada segi pengalaman berniaga dan keusahawanan pula, didapati belia lelaki lebih ramai mempunyai pengalaman berniaga dan keusahawanan berbanding perempuan. Tahap tekad keusahawanan tani belia lelaki lebih tinggi daripada tekad keusahawanan tani belia perempuan secara keseluruhannya.

Dapatan kajian menunjukkan belia pelajar pertanian masih belum mempunyai tekad keusahawanan tani yang tinggi walaupun mereka merupakan pelajar yang terdedah dengan ilmu keusahawanan dan ilmu sains pertanian melalui mata pelajaran kemahiran hidup bersepadu semasa di peringkat menengah rendah serta mata pelajaran sains pertanian yang mereka sedang ikuti sekarang. Pada masa yang sama didapati tekad keusahawanan tani ini dipengaruhi oleh elemen seperti efikasi keusahawanan, ciri-ciri keusahawanan serta nilai sosial keusahawanan tani pelajar. Ini menunjukkan keempat-empat elemen tersebut iaitu tekad keusahawanan tani, efikasi keusahawanan, ciri-ciri keusahawanan dan nilai sosial usahawan tani adalah saling berkaitan dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya bagi mencapai matlamat kerajaan untuk melahirkan ramai golongan belia yang menceburi sektor pertanian sepenuh masa dan seterusnya menjadi usahawan tani yang berjaya. Ini adalah selari dengan Teori Tingkah laku Terancang Ajzen (1991) yang mengaitkan tekad keusahawanan individu bergantung kepada tiga elemen utama iaitu sikap terhadap kelakuan (nilai peribadi), norma subjektif (tekanan sosial yang dirasakan sama ada akan melakukan sesuatu atau tidak) dan efikasi sendiri iaitu dengan melihat sejauh mana individu itu berupaya untuk mengawal tingkah laku (Ajzen, 1991).

Oleh itu untuk mencapai hasrat agar lebih ramai belia menceburi kerjaya usahawan tani, pihak yang membuat polisi dan pihak berwajib seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, pentadbir sekolah dan para pendidik perlulah menggembeng tenaga dan usaha sama dengan memberi sokongan dan tumpuan untuk meningkatkan tekad pelajar pertanian agar memilih kerjaya keusahawanan tani sebagai kerjaya tetap mereka apabila menamatkan pengajian nanti. Ini bersesuaian dengan dapatan kajian Eng Lee Hui (2004) yang mendapati hampir kesemua responden yang terdiri daripada usahawan tani yang mengusahakan ladang sayur-sayuran sangat optimis dengan sokongan kerajaan dalam meningkatkan industri sayuran negara. Sehubungan itu juga, ciri-ciri keusahawanan yang telah sedia ada dalam diri pelajar perlu dipupuk dengan baik di

samping menyediakan landasan yang kukuh dalam bentuk persekitaran dan aktiviti seperti kuliah berasaskan ilmu keusahawanan, pembelajaran melalui pengalaman, penglibatan pelajar dalam persatuan usahawan, simulasi dan main peranan serta pelbagai aktiviti keusahawanan tani yang boleh menyokong meningkatkan efikasi keusahawanan pelajar dan seterusnya meningkatkan tekad pelajar untuk menceburi kerjaya usahawan tani (Zaidatol Akmaliah dan Hishamuddin, 2010).

Media massa seperti surat khabar, majalah, radio, televisyen, internet dan sebagainya juga boleh membantu dengan mewar-warkan konsep 'pertanian merupakan perniagaan' bagi memberi kesedaran kepada masyarakat umum tentang keistimewaan dan ganjaran yang diperoleh melalui kerjaya sebagai usahawan tani. Ini bertepatan dengan pernyataan Henderson dan Robertson (2000) yang mendapati alasan utama remaja yang mereka kaji memilih kerjaya keusahawanan adalah ingin menjadi ketua dan mendapat keuntungan yang tinggi. Berdasarkan kajian Ramayah dan Zainon (2005) yang mendapati pelajar lelaki mempunyai kecenderungan keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar wanita, adalah diharapkan agar pihak berwajib boleh memainkan peranan dalam mempromosikan perkara-perkara yang positif berkaitan kerjaya sebagai usahawan tani khususnya kepada golongan wanita agar memberi impak yang boleh menimbulkan kesedaran dan keyakinan kepada golongan ini untuk menceburi kerjaya sebagai usahawan tani.

Di samping itu adalah penting agar belia didedahkan dengan pengalaman sebenar dalam bidang perniagaan dan keusahawanan semasa peringkat sekolah lagi. Pihak sekolah atau institusi boleh menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan perniagaan dan keusahawanan melalui program-program yang diatur seperti hari terbuka, hari kantin, minggu koperasi dan sebagainya. Pihak kementerian dan sekolah juga boleh berhubung dengan syarikat-syarikat usahawan tani yang telah berjaya bagi menjalankan program usaha sama agar pelajar-pelajar pertanian dapat menjalani praktikal dalam menguruskan perniagaan yang sebenar. Ini bersesuaian dengan dapatan kajian oleh Norsida Man (2008) yang mendapati keseluruhan usahawan tani yang terpilih sebagai peladang jaya dan 95.7 peratus belia berumur 16 hingga 40 tahun, menyatakan persetujuan bahawa program dan seminar berkaitan keusahawanan tani serta pengajaran ilmu pengetahuan berkaitan pertanian akan meningkatkan tahap perniagaan pertanian mereka serta memberi keyakinan kepada mereka untuk menceburi kerjaya usahawan tani.

Pelbagai program harus dirancang dan dilaksanakan agar dapat memberi pengalaman perniagaan dan keusahawanan semaksimum mungkin kepada setiap belia dan seterusnya meningkatkan tekad keusahawanan tani belia khususnya belia pelajar pertanian itu sendiri. Ini sangat bertepatan dengan kajian Sharifah Irda Natasha (2005) yang mendapati usahawan tani yang terpilih sebagai peladang jaya bersetuju bahawa program dan seminar berkaitan pengurusan perniagaan usahawan tani dapat meningkatkan pengetahuan dan keyakinan mereka sebagai usahawan tani

RUJUKAN

- Ajzen, I. 1991. *The Theory of Planned Behavior. Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.
- Chek Pit Chow. 2002. *Ciri-Ciri Keusahawanan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Eng Lee Hui. 2004. *Traits Of Successful Vegetable Entrepreneurs At Ringlet, Cameron Highlands*. Kertas Projek. Universiti Putra Malaysia.
- Fatimah Mohd Arshad. 2005. *Strategi Lahirkan Usahawan Tani Berdaya Maju*. Utusan Malaysia Online – Rencana
- Henderson, R. & Robertson, M. 2000. Who wants to be entrepreneur? Young adult attitudes to entrepreneurship as a career. *Career Development International*, 5(6), 279-287.
- Hisrich, R.D. & Peters, M.P. 1995. *Entrepreneurship: Starting, Developing, and Managing a New Enterprise* (3rd ed). Chicago: Irwin.
- Hisyamuddin Hassan. 2007. *Hubungan Faktor Terpilih Dengan Tekad Keusahawanan Mengikut Persepsi Pelajar*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2009. *Siaran Khas Penyiasatan Tenaga Buruh, Usahawan di Malaysia*. Siri 4(1), 2009.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (2006). *Buku Perangkaan Pertanian*. Putrajaya: Unit Pengurusan Maklumat dan Statistik.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. 2012. <http://www.moa.gov.my/web/guest/pertanian> (diakses pada 14 Jun 2012).
- Kementerian Pembangunan Usahawan. 1997. *Keusahawanan Pendekatan Amali*.
- Linan, F., Urbano, D., & Guerrero, M. 2011: Regional variations in entrepreneurial cognitions: Start-up Intentions of University Students in Spain, *Entrepreneurship & Regional Development: An International Journal*, 23(3-4), 187-215.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.

- Mohd Salleh Hj. Din. 1992. *Pembangunan Enterprise Keusahawanan dan Perniagaan Kecil di United Kingdom: Implikasi Kepada Malaysia*. Kertas Kerja Bengkel Program Pembangunan Usahawan. 25-27 Ogos.
- Nematoolah Shiri, Davoud Mohammadi and Seyed Mahmoud Hosseini. 2012. Entrepreneurial Intention of Agriculture Students: Effects of Role Model, Social Support, Social Norm and Perceive Desirability. *Archives of Applied Science Research*, 2012, 4(2): 892-897
- Norsida Man. 2008. Persepsi Belia Tani Terhadap Pertanian dan Keperluan Pendidikan Pertanian. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, (1), 99-114
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2004. *Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Harian*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ramayah, T. & Zainon Haron. 2005. Entrepreneurial Intention Among Universiti Sains Malaysia (USM) Students. *International Journal of Management & Entrepreneurship*, 1, (1), 21-29.
- Rohana Binti Abdul Rahim. 2010. Minat Kerjaya, Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya, Kemahiran Employability, dan Pilihan Kerjaya Pelajar Vokasional Pertanian di Semenanjung Malaysia. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- Sharifah Irda Natasha. 2005. *Traits And Characteristics of Peladang Jaya*. Kertas Projek. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Hawa Binti Mohamed Idris. 2009. *Kecenderungan Keusahawanan di Kalangan Pelajar Bidang Kejuruteraan di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Kawasan Utara Semenanjung Malaysia*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia.
- Super D.E. 1976. *Career Education and Meanings of Work*. Washington D.C : US Department of Health, Education and Welfare.
- Thomas, A.S. & Muller, S.L. 2000. A case for comparative entrepreneurship: assessing the relevance of culture. *Journal of International Business Studies*, 31(2), 287-305
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Hishamuddin Hassan. 2010. *Memperkasa Tekad Keusahawanan Pelajar*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zainalabidin Mohamed, Golnaz Rezai dan Mad Nasir Shamsudin. 2011. The Effectiveness of Entrepreneurship Extension Education Among the FOA Members in Malaysia. *Current Research Journal of Social Sciences*, 3 (1), 17-21



Zakaria Bin Abdul Rahman. 1998. *Pembinaan dan Pengujian Modul Latihan Keusahawanan Pertanian di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Profil Penulis:

*Mohd Zailani bin Ibrahim
Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
Tel: 03-89468117
Fax: 03-89468560
pjaimu@gmail.com*

*Ramlah Hamzah, Ph.D.
Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
ramlah@educ.upm.edu.my*

*Mohd Ibrahim Nazri, Ph.D.
Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
min@educ.upm.edu.my*